

BERNAMA.COM

**Kementerian Kesihatan Jamin Buah-buahan, Sayur-sayuran Selamat**  
May 05, 2007 00:08 AM 

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Kementerian Kesihatan hari ini memberi jaminan kepada orang ramai bahawa buah-buahan dan sayur-sayuran yang dijual di pasaran Malaysia adalah selamat.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan kementerian itu Dr Abdul Rahim Mohamad berkata program pemantauan bagi racun perosak dalam buah-buahan dan sayur-sayuran di Malaysia, keluaran tempatan atau diimport, tidak memberikan situasi mencemaskan berkenaan keselamatan mereka.

" Bagaimanapun, kementerian akan terus memantau tahap racun perosak dalam buah-buahan dan sayur-sayuran bagi memastikan bekalan makanan yang selamat untuk pengguna di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas mengenai laporan akhbar semalam bahawa sayur-sayuran tercemar dari ladang-ladang haram yang dijalankan oleh pekerja asing yang menggunakan dos toksik racun perosak dalam pengeluaran mereka, telah mencapai situasi mencemaskan dalam pasaran Malaysia dan mempunyai risiko kesihatan kepada pengguna.

Abdul Rahim berkata bagi memastikan bekalan makanan yang selamat kepada pengguna, jabatannya, di bawah Akta Makanan 1983, akan terus mengambil sampel dari pasar dan premis runcit untuk analisis.

Beliau berkata apa-apa perbuatan salah yang dikesan akan dijalankan prosedur mengesan pembekal dan sayur-sayuran dan buah-buahan sehingga ke peringkat ladang.

Dalam hal ini, beliau berkata para penjual dan pembekal dinasihatkan untuk menyimpan invoices atau resit pembelian mereka untuk tujuan pengesanan dan jika gagal melakukannya boleh menyebabkan mereka didakwa di mahkamah.

Abdul Rahim berkata tuduhan mengenai sayur-sayuran tidak selamat dalam pasaran menggunakan racun perosak "koktel" telah lama menjadi perhatian.

Beliau berkata program pemantau sayur-sayuran yang dijalankan selalu telah dilaksanakan pada 1997 berikutan satu insiden di mana sayur-sayuran Malaysia tidak diterima oleh Singapura pada tahun yang sama.

Berikutan insiden itu, 3,735 sampel sayur-sayuran dan buah-buahan telah diuji pada 1998 dan 202 sampel atau 5.4 peratus didapati melanggar Peraturan Makanan 1985. Beliau berkata sejak itu, kadar pelanggaran peraturan telah menurun.